



مجلس باندراي ملاك برسجاره

MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

# KENYATAAN MEDIA

## INSIDEN KEBOCORAN ATAP JEJANTAS TUN TEJA: TINDAKAN SEGERA DIAMBIL, KESELAMATAN PENGGUNA KEKAL DIUTAMAKAN

1. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah mengambil maklum berhubung insiden kebocoran pada struktur atap jejantas ini yang telah tular di media sosial baru-baru ini. Sebaik sahaja aduan diterima, **pemeriksaan teknikal menyeluruh telah dijalankan serta-merta** oleh pasukan kejuruteraan MBMB bersama pihak kontraktor bertanggungjawab.

2. Berdasarkan laporan awal, kerosakan berpunca daripada **kerosakan sambungan bumbung sedia ada** semasa hujan lebat luar jangka pada minggu lalu. **Isu ini tidak melibatkan struktur utama jejantas**, namun tetap diberikan perhatian serius oleh pihak MBMB.

3. **Kerja-kerja pembaikan akan dimulakan pada 4 Julai 2025**. Proses pembaikan ini dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh **1 minggu**, tertakluk kepada keadaan cuaca semasa.

4. Sepanjang tempoh pembaikan, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah mengambil langkah keselamatan seperti **penutupan sementara kawasan terlibat, pemasangan papan tanda amaran, dan pemantauan berkala** bagi memastikan keselamatan pengguna sentiasa terpelihara.

*Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak - Ayer Keroh,  
Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka, Malaysia.  
Tel. : 06-2859700 Faks : 06-2325716*



[www.mmb.gov.my](http://www.mmb.gov.my)

*#Sejahterakanbandarayaku*

5. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah amat menghargai segala **pandangan, teguran dan keprihatinan** masyarakat. **Keterbukaan kepada maklum balas dan semakan awam** adalah teras kepada amalan pentadbiran yang **telus, profesional dan berintegriti**.

6. Insiden ini akan dijadikan **pengajaran dan titik penambahbaikan**, termasuk melalui pemantauan rapi serta peningkatan standard kerja dan sistem pengauditan terhadap pelaksanaan projek infrastruktur awam pada masa akan datang.

7. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah menzahirkan komitmen penuh untuk memastikan **Jejantas Tun Teja bukan sahaja berfungsi seperti yang dirancang**, malah menjadi **simbol pembangunan moden, keselamatan awam, dan keunikan bandar Melaka** yang kaya dengan sejarah dan terus bergerak ke arah kemajuan.

**MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH**  
**3 JULAI 2025**